



# KEPIMPINAN TUN ABDUL RAZAK ERA 1969-1970



# KEPIMPINAN TUN ABDUL RAZAK ERA 1969-1970

*Mohamad Asrol Ar Pidi  
Ishak Saat*

  
**Penerbit  
UTHM**  
2018

© Penerbit UTHM  
Cetakan Pertama 2018

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia      Pengkatalogan Data Penerbitan

Mohamad Asrol Ar Pidi

KEPIMPINAN TUN ABDUL RAZAK ERA 1969-1970 / Mohamad  
Asrol Ar Pidi,

Ishak Saat.

ISBN 978-967-2110-67-5

1. Abdul Razak Dato' Hussein--Tun--1922-1976.
  2. Ex-prime ministers--Malaysia. 3. Politicians--Malaysia.
  4. Political leadership--Malaysia. 5. Government publications--Malaysia.
  6. Malaysia--Politics and government. I. Ishak Saat.
- I. Title.  
959.5052

Diterbitkan oleh:  
Penerbit UTHM  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja,  
Batu Pahat, Johor  
No. Tel: 07-453 8529  
No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>  
E-mel: [pt@uthm.edu.my](mailto:pt@uthm.edu.my)  
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota  
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia  
(MAPIM)

Dicetak oleh:  
PERCETAKAN IMPIAN SDN. BHD.  
No. 10, Jalan Bukit 8,  
Kawasan Perindustrian Miel,  
Bandar Baru Seri Alam,  
81750 Masai, Johor

# Isi Kandungan

<i>Prakata</i>	<i>vii</i>
<b>Bab 1</b>	<b>1</b>
PENDAHULUAN	
<b>Bab 2</b>	<b>11</b>
LATAR BELAKANG KEHIDUPAN RAZAK	
<b>Bab 3</b>	<b>29</b>
STRATEGI JANGKA PENDEK RAZAK	
<b>Bab 4</b>	<b>75</b>
STRATEGI JANGKA PANJANG RAZAK	
<b>Bab 5</b>	<b>103</b>
KEBERKESANAN STRATEGI RAZAK	
<b>Bab 6</b>	<b>115</b>
RUMUSAN	
<i>Lampiran</i>	<i>115</i>
<i>Bibliografi</i>	<i>141</i>
<i>Biografi Penulis</i>	<i>155</i>
<i>Indeks</i>	<i>157</i>

# Prakata

Buku Kepemimpinan Tun Abdul Razak 1969-1976 adalah diubah suai daripada tesis ijazah sarjana yang bertajuk "Penilaian Kepemimpinan Pentadbiran Tun Abdul Razak 1969-1970 Terhadap Pemulihan Keamanan Negara" dengan tujuan menjadikan ia sebuah buku ilmiah bidang Sejarah Malaysia. Penulisan ini adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana pelaksanaan dan keberkesanan kepemimpinan Tun Abdul Razak atau lebih dikenali dengan nama singkatannya iaitu Razak dalam menangani isu dalam negara terutama selepas berlakunya rusuhan kaum yang tercetus pada 13 Mei 1969. Penulis melakukan kajian ke atas sumber akademik dan ilmiah seperti dokumen berkaitan Tun Abdul Razak daripada Arkib Negara Malaysia, mengadakan lawatan dan penelitian di Galeri Tun Abdul Razak di Sri Perdana, menganalisis ucapan Tun Abdul Razak dan melakukan temu ramah dengan Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, mantan Yang Dipertua Dewan Negara bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci berkaitan kajian dan penulisan. Selain itu, penulis melakukan kajian ke atas buku dan bahan ilmiah lain di peringkat perpustakaan.

Selepas berlakunya peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969, adalah menjadi tanggungjawab Razak untuk memulihkan hubungan antara kaum, memperbaiki struktur ekonomi orang Melayu agar sektor pekerjaan tidak mencerminkan status dan kedudukan kaum atau dengan kata lain pengenalan kaum berasaskan sektor pekerjaan. Razak berusaha memperbaiki jurang ekonomi antara kaum adalah bertujuan untuk menghapuskan pengenalan sektor pekerjaan mengikut kaum kesan daripada dasar pecah dan perintah yang diperkenalkan dan diamalkan oleh penjajah British di negara ini. Dasar ekonomi dualisme yang dilaksanakan menjurus kepada pengkhususan kaum Melayu bekerja di sektor tradisional yang hanya tertumpu kepada kegiatan pertanian di kawasan luar bandar yang diusahakan secara sara diri dan tidak berdaya saing. Manakala kaum Cina dan India dibawa ke negara ini bagi memenuhi permintaan dan keperluan tenaga buruh British di sektor